

Beckham promosi gaya hidup sihat bersama AIA

SYARIKAT peneraju insurans di Malaysia, AIA Bhd. (AIA) telah melancarkan kempen *What's Your Why?* di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menerusi kempen tersebut, AIA ingin mengajak masyarakat di negara ini supaya mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA, Anusha Thavarajah berkata, pihaknya sangat berbesar hati dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat.

Katanya, kempen tersebut membuktikan komitmen teguh AIA dalam berkontribusi maklumat dengan pelanggannya untuk mengecapai kehidupan yang lebih sihat.

"Saya berharap kempen ini mendapat sambutan baik daripada masyarakat di Malaysia terutamanya mereka yang berniat menjaga dan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Masyarakat sibuk dengan kehidupan sehari-hari. Jadi, kami



BECKHAM (tengah) bersama Anusha (kanan) sewaktu sesi dialog bersama wakil media di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur baru-baru ini.



BECKHAM (tengah) bergambar bersama para peminatnya ketika sambutan ulang tahun AIA Vitality.

ingin membantu memberikan kesedaran kepada seisi keluarga untuk mengekalkan kecergasan dan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan akhbar.

Menariknya, kempen di Kuala Lumpur itu turut menampilkan bekas kapten bola sepak England, David Beckham sebagai duta.

Bekas pemain pasukan Manchester United itu akan menjelajah rantau Asia Pasifik termasuk Hong Kong, Korea Selatan dan Singapura untuk merasmikan kempen tersebut.

Beckham turut tampil dalam video khas yang dihasilkan di Thailand untuk memberi inspirasi kepada orang ramai supaya sentiasa sihat.

"Saya amat bersyukur kerana kerjaya saya telah membolehkan saya mengekalkan tahap kesihatan yang tinggi.

"Selain diri sendiri, saya yakin kita juga perlu memastikan isteri dan anak-anak berada dalam keadaan sihat untuk menempuh kehidupan sehari-hari," katanya.

Lawatan Beckham ke Kuala

Lumpur juga merupakan sebahagian daripada sambutan ulang tahun pertama program kesihatan dan insurans, AIA Vitality di Malaysia.

Sepanjang festival tersebut pelbagai aktiviti sihat telah diadakan seperti *rock climbing*, *zumba*, *body combat* dan pelbagai cabaran menarik lain.

Maklumat lanjut mengenai AIA dan kempen *What's Your Why?*, orang ramai boleh layari [www.aia.com.my](http://aia.com.my) atau Facebook @AIA Malaysia.